

Keliru kaunseling Barat

Teknik dan gaya pendekatannya boleh diaplikasikan ketika sesi berlangsung

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya siswa jurusan kaunseling dan berdepan masalah yang sering membuat saya keliru. Islam menekankan manusia untuk amar maaruf dan nahi munkar. Begitu juga ada lagi ayat yang menyuruh kita berdakwah dengan ber hikmah dan berdebat melalui contoh teladan yang baik.

Dalam pengajian subjek kaunseling, saya didedahkan dengan pelbagai teori kaunseling sekular yang mempunyai asas teoritikal tertentu. Kaunseling Barat tidak meletakkan nilai sedangkan dalam agama ada nilai jahat dan baik.

Saya juga didedahkan sikap lebih banyak mendengar dan tidak terus memberi penyelesaian, bahkan ada teori yang membiarkan klien bebas memilih jalan penyelesaian. Ini berlainan dengan ajaran agama di mana kita diminta mencegah perkara yang salah. Dalam berdakwah, manusia diajak kepada kebaikan.

Soalan saya, bagaimana jalan terbaik agar kita dapat membantu klien dan pada masa yang sama tidak me-



ninggalkan suruhan Allah untuk mengajak berbuat maaruf dan menegah kemungkaran?

Kadangkala ini membuatkan saya keliru, apatah lagi saya datang daripada pengajian sekolah agama.

SISWA KELIRU, Selangor

! Terima kasih di atas soalan yang sangat baik ini. Di dalam Islam kita diseru melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Kaunseling juga adalah satu medan untuk membantu klien membuat satu keputusan ke arah lebih positif dan baik.

Tidak semua teori kaunseling Barat menekankan untuk kita hanya mendengar tetapi ada juga teori yang membolehkan kita berdebat dengan klien apabila pemikirannya bercanggah dengan kelakuan yang diinginkan.

Setiap teori mempunyai perbezaan penggunaan mengikut matlamat yang diinginkan. Klien dibenarkan memilih keputusan yang diinginkan tetapi sebagai kaunselor, tugas kita membantu supaya keputusan yang diambil selaras dengan syariat. Itu adalah satu perbezaan Islam dan Barat.

Teori kaunseling dari Barat adalah asas kepada ilmu kaunseling. Di dalam Islam, kaunseling mempunyai pengertian dan kedudukan tersendiri. Ini selaras dengan tuntutan Islam yang berpandukan al-Quran dan sunah.

Kebanyakan sentuhan kaunseling Barat lebih bertumpu kepada perubahan tingkah laku klien ke arah lebih rasional dan mengikut garis normal hidup sebagai manusia. Kaunseling berperspektif Islam melihat elemen yang lebih mendalam iaitu keseluruhan kehidupan manusia. Kaunseling berpendekatan Islam dilihat lebih memberi kesan yang menyeluruh bagi hidup seseorang Muslim.

Namun, teknik dan gaya pendekatan kaunseling Barat boleh juga diaplikasikan ketika sesi kaunseling berlangsung.

Berkesannya kaunseling berpendekatan Islam ini kerana matlamat akhir yang berbeza dengan pendekatan kaunseling sekular yang lain.

Matlamat akhir bagi sesi kaunseling berpendekatan Islam ialah mengkehendaki klien memahami hubungan dengan Allah, makhluk ciptaan Allah, tujuan hidup dan matlamat akhir kehidupan.

Duit pinjaman tak mencukupi

? Saya seperti beberapa rakan mempunyai masalah berkaitan kewangan. Saya kini menuntut di salah sebuah universiti tempatan dan berada pada tahun dua pengajian. Saya berasal daripada keluarga yang sederhana dan tertekan kerana sentiasa berasa kekurangan dari segi kewangan. Rupa-rupanya ini bukan menjadi masalah saya saja.

Rata-rata rakan yang menuntut di universiti menghadapi masalah tidak cukup wang untuk berbelanja. Memang diakui kami menerima bantuan tetapi sentiasa tidak mencukupi.

Saya tidak tahu sama ada ini disebabkan pengurusan kewangan kami yang tidak bijak atau ada faktor lain. Jika ini berlaku, apakah yang patut kami lakukan untuk bijak

dalam menangani tekanan itu. Kami runding memikirkan wang pembiayaan pelajaran yang tidak cukup serta memikirkan hutang yang terpaksa ditanggung selepas tamat pengajian nanti.

SUSAH HATI Pahang

! Sebagai seorang pelajar yang mengharap pembiayaan, amat penting anda menggunakan pembiayaan itu sebaik-baiknya. Uruskanlah duit itu secara bijak. Utamakan apa yang perlu saja dan ingat tujuan asal wang itu adalah untuk pembelajaran.

Hutang yang terlalu banyak selepas tamat belajar adalah satu perkara yang sangat merunsingkan, jadi adik perlu menjadikan ia motivasi untuk merah kelas pertama supaya pembiayaan pinjaman itu bertukar men-

jadi biasiswa.

Dr akui untuk memperoleh ijazah kelas pertama bukanlah satu perkara yang mudah tetapi bukan sesuatu yang mustahil untuk dilakukan.

Usaha sangat berkait dengan kejayaan seseorang. Lazimnya semakin kuat seseorang berusaha, semakin tinggi kejayaan dicapai.

Ternyata juga, adik perlu mencari pekerjaan untuk membayar balik wang pinjaman itu. Dalam suasana sukar bagi graduan untuk mendapat pekerjaan, adik tidak boleh terlalu memilih pekerjaan.

Mulakan dengan pekerjaan yang dapat menampung diri adik untuk membayar balik pinjaman. Ketika ini usahakan untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat adik. Dalam konteks ini, adik dapat membayar balik wang pinjaman itu.

